


Praktis PT3 Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Anggota bomba itu berjaya mengawal kebakaran di rumah panjang itu _____ terus merebak.
A dari C untuk
B akan D daripada
2. Kempen keselamatan jalan raya disyorkan agar diadakan sepanjang masa, bukan _____ waktu-waktu tertentu sahaja.
A di C dalam
B pada D dengan

Soalan 3 berdasarkan gambar di bawah ini.



3. Selepas pulang dari sekolah, Amirul meletakkan basikalnya di _____ garaj kereta.
A tepi C dalam
B luar D bawah

4. Afifah tidak sabar untuk pulang ke tanah air kerana dia amat rindu _____ ibu bapanya.
A pada C kepada
B akan D terhadap
5. Salmi memandang ke _____, ke kiri, dan ke kanan semula sebelum melintas jalan raya itu.
A kiri C bawah
B kanan D tengah
6. Penduduk Taman Ria sentiasa berjaga-jaga _____ berlakunya kejadian samun di taman itu.
A dari C dalam
B sejak D dengan
7. Pihak polis telah menemukan kanak-kanak yang hilang itu di _____ bangunan terbengkalai itu.
A atas
B dalam
C bawah
D tengah
8. Laporan tentang keadaan mangsa tanah runtuh itu akan disiarkan _____ semasa ke semasa.
A dari
B pada
C dalam
D daripada

Praktis PT3 Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Sejak dari bulan Ogos tahun lepas, Danial dihantar oleh ibunya ke sekolah dengan motosikal.

2. Kami amat bersimpati dengan mangsa-mangsa tanah runtuh itu.

3. Penduduk Taman Bidara bimbang dengan keselamatan anak-anak mereka kerana banyak anjing liar berkeliaran di kawasan perumahan mereka.



4. Anggota bomba dan penyelamat sedang bertungkus lumus untuk mengeluarkan mangsa kemalangan yang tersepit di antara keretanya.

5. Encik Hamid dan jirannya bercerita akan jenayah siber yang semakin meningkat sejak kebelakangan ini.
